

Asas Pendidikan Anak-Anak Berdasarkan Nasihat Luqmanul Hakim Kepada Anaknya

© Muhammad Haniff Hassan

Anak adalah amanah Allah taala kepada ibu bapa. Ia menjadi amanah kerana ibu bapa bertanggungjawab untuk merealisasikan tujuan Allah taala melahirkan seorang anak di muka bumi ini.

Setiap anak yang dilahirkan di muka bumi adalah untuk mencapai maksud dari firman Allah taala yang bermaksud;

“Dan tidaklah Aku mencipta jin dan manusia kecuali untuk beribadah padaKu” (Az-Zariyat : 56)

“Dan apabila Allah berfirman kepada para malaikat sesungguhnya aku akan menjadikan di atas bumi seorang khalifah” (Al-Baqarah : 30)

Dari kedua ayat ini kita boleh memahami bahawa seseorang anak dilahirkan agar ia apabila mencapai usia baligh dapat beribadah kepada Allah taala dan memainkan peranan sebagai khalifah di muka bumi ini, iaitu memakmurkan dunia dengan agama Allah taala.

Ertinya setiap anak adalah Khalifah Muda yang akan menjadi Khalifah sempurna apabila dewasa kelak dan ibu bapa bagi setiap anak-anak memikul tanggungjawab untuk memastikannya.

Bagi membantu ibu bapa memainkan peranan mendidik Khalifah Muda ini, Allah taala menggariskan panduan dan bimbingan dalam Al-Quran. Antara sekian banyak panduan dan bimbingan yang ada ialah firman Allah taala dalam surah Luqman.

Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Dan apabila Luqman berkata kepada anaknya sedang ia menasihatinya ‘Wahai anakku, janganlah mensyirikkan Allah. Sesungguhnya Syirik itu adalah satu kezaliman yang besar’.” (Luqman : 13)

Ayat ini mengajar para ibu bapa bahawa yang pertama sekali yang harus dididik terhadap anak-anak mereka ialah agar tidak mensyirikkan Allah taala.

Anak-anak dididik untuk tidak mensyirikkan Allah taala dengan mengenalkannya sejak dari kecil lagi akan Allah taala. Ini dilakukan dengan menanam bibit aqidah yang betul terhadap Allah taala.

Oleh sebab itulah seorang bapa dianjurkan oleh Islam untuk mengazan dan mengiqamahkan bayi sejurus sahaja ia lahir agar perkara pertama yang ia dengar ialah nama Allah taala. Bahkan sebelum ia mengenali ibu bapanya hendaklah ia mengenali Allah taala.

Di ayat 14 – 15 pula Allah taala berfirman yang bermaksud;

“Dan Kami mewasiatkan kepada manusia agar berlaku baik terhadap ibu bapanya. Ibunya telah mengandungnya dengan kepayahan atas kepayahan dan menyusukannya selama dua tahun. Maka hendaklah kau bersyukur kepadaKu dan dan kedua ibu bapa kau. KepadaKu tempat kembali. Dan jika kedua ibu bapa mendorong kau untuk mensyirikkanKu dengan apa yang kau tidak mempunyai pengetahuan, maka janganlah mentaati mereka berdua. Dan pergauli mereka di dunia dengan baik dan ikutilah jalan orang yang kembali padaKu kemudian kepadaKu tempat kembali kamu maka akan Aku beritahu kamu akan apa yang kamu lakukan.”(Luqman : 14-15)

Ayat ini mengajar ibu bapa bahawa setelah seorang anak itu dikenalkan kepada Tuhannya maka ia perlulah dikenalkan kepada ibu bapanya. Agar dengan mengenal ibu bapanya dengan sebenar-benar akan menimbulkan rasa kasih sayang dan dorongan untuk berbakti kepada mereka.

Setelah anak-anak dikenalkan kepada Allah taala dan ibu bapanya, maka perlulah ditanam rasa syukur terhadap mereka kerana Allah taala berfirman *“dan hendaklah engkau bersyukur padaKu dan kedua ibu bapamu”*.

Syukur pula seharusnya dibuktikan dengan ketaatan terhadap segala perintah dan suruhan Allah taala dan ibu bapa.

Ini membuktikan bahawa kenal sahaja tidak mencukupi jika ia tidak menimbulkan syukur yang mendorong untuk taat kerana sesungguhnya Iblis itu lebih mengenali Allah taala. Iblis dimurkai oleh Allah taala kerana ia tidak bersyukur bukan kerana ia tidak mengenali Allah taala.

Ibu bapa juga haruslah berani untuk mendidik anak-anak untuk lebih mencintai Allah taala dari diri mereka sendiri sehingga sekiranya mereka melakukan kesilapan atau mendorong anak-anak mereka terhadap kemunkaran maka anak-anak itu tahu untuk tidak mentaati mereka.

Untuk itu, ibu bapa haruslah membekalkan anak-anak mereka dengan ilmu-ilmu yang membolehkan ia mengetahui apakah dia perintah-perintah Allah taala yang tidak boleh ia langgari dan bilakah ia perlu membelakangkan perintah ibu bapa mereka. Hari ini ilmu-ilmu ini dikenali sebagai ilmu-ilmu ukhrawi. Maka sebab itu wajib bagi ibu bapa memberi pendidikan ukhrawi yang secukupnya sehingga anak-anak mereka selaku Khalifah Muda mempunyai kemampuan sedemikian. Perlulah diingat bahawa ilmu-ilmu ini bukan hanya setakat pada ilmu mengaji sahaja tetapi ia meliputi ilmu aqidah dan segala aspek ilmu fiqh yang bersifat fardu ain.

Firman Allah taala *“dan ikutlah jalan orang yang kembali kepadaKu”* mengajar para ibu bapa bahawa ibu bapa haruslah memastikan ikutan yang betul anak-anak mereka khususnya teman-teman mereka. Hari ini sudah terbukti bagaimana besarnya faktor rakan dalam mempengaruhi tingkah laku anak-anak kita.

Rasulullah telah mengingatkan hakikat ini dalam hadisnya

“Seseorang itu tertakluk pada agama rakannya. Maka hendaklah setiap kamu melihat siapakan rakannya.” (Riwayat Abu Daud, At-Turmuzi dan Al-Hakim)

Selain dari itu, wajib bagi ibu bapa menanamkan aqidah terhadap kewujudan hari akhirat dan pembalasan. Ini dapat dilihat pada firman Allah taala yang bermaksud *“kepadaKu tempat kembali”* dan *“kemudian kepada Aku tempat kembali kamu maka Aku memberitahu pada kamu dengan apa yang kamu lakukan”* dan diperkuatkan lagi dengan firman Allah taala di ayat 16 yang bermaksud;

“(Lukman berkata) Hai anakku sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi dan berada dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasnya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui.”(Luqman : 16)

Kepentingan menanam aqidah terhadap kewujudan hari akhirat dan pembalasan kerana ia memberi tujuan bagi setiap amal yang perlu dilakukan oleh seorang Khalifah Muda. Dengan keimanan pada akhirat dan hisab, seorang itu tahu mengapa ia melakukan segala amal-amal yang kadangkala menyulitkan dirinya, iaitu ia akan diberi ganjaran pahala sehingga dapat menikmati syurga Allah taala. Dengan keyakinan ini ia akan lebih mampu untuk sabar menghadapi kesulitan dan beristiqamah dengannya.

Di ayat 17 Allah taala berfirman

“Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah dari perbuatan yang munkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah).”(Luqman : 17)

Setelah anak-anak dididik dengan asas-asas aqidah, ia hendaklah pula dilatih dan dididik untuk beramal. Antara amal-amal yang perlu dilaksanakan ialah solat. Tentunya solat bukanlah satu-satunya amal yang perlu ditunaikan tetapi solat dinyatakan dalam ayat 17 tadi sebagai simbol bagi amal-amal yang lain kerana solat adalah amal yang paling penting di antara amal-amal lain.

Solat adalah tiang agama. Solat adalah penghubung antara si Khalifah Muda dan Tuhannya yang telah ia kenali. Solat adalah pendinding dari segala kemunkaran.

Ibu bapa juga dituntut oleh Allah taala untuk mendidik anak-anak mereka selaku Khalifah Muda untuk melaksanakan amr makruf dan nahi munkar; menyuruh berbuat baik dan mencegah kemunkaran.

Ini secara jelas menjadi bukti bahawa tanggungjawab berdakwah bukan hanya tertanggung atas bahu para ulama dan agamawan sahaja tetapi ia tertanggung atas bahu sekalian manusia selaku Khalifah Allah di bumi ini.

Dengan ini Allah mengajar ibu bapa bahawa anak-anak haruslah dididik bukan hanya untuk menjadi seorang yang soleh tetapi juga musleh; mampu memperbaiki orang lain. Anak-anak haruslah dididik bukan hanya tahu beramal untuk dirinya tapi berusaha juga mengajak orang lain untuk beramal bersamanya.

Oleh itu adalah wajar ibu bapa menggalakkan anak-anak mereka untuk menyumbang dalam kerja-kerja kebaikan samada di masjid-masjid atau di pertubuhan-pertubuhan Islam. Adalah tidak betul jika ada ibu bapa yang mencegah pelibatan anak-anak mereka di masjid-masjid dan pertubuhan-pertubuhan Islam kerana takut menjadi ekstremis, kolot, mundur dan sebagainya tetapi membiarkan sahaja mereka membuang masa di kolong-kolong blok dan di tepi-tepi jalan.

Setelah anak-anak dididik dengan asas aqidah dan amal yang baik, mereka perlu juga dididik dengan akhlaq-akhlaq mulia seperti sabar dan tidak bersikap sombong. Ini dapat dilihat pada firman Allah taala *“Dan bersabarlah atas apa yang menimpa kau”* dan firmanNya lagi di ayat 18 dan 19

“Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membangga diri. Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.”(Luqman : 18-19)

Kesimpulan

Aspek-aspek penting yang perlu diutamakan dalam pendidikan anak-anak selaku bakal Khalifah di hari muka ialah penanaman aqidah yang betul, amal yang benar dan akhlaq yang mulia.

Anak-anak perlulah dididik bukan hanya untuk menjadi soleh tetapi juga musleh; yang akan memberi kebaikan kepada yang lain maka sebab itulah ia perlu dididik untuk melaksanakan amr makruf dan nahi munkar.

Kesolehan anak-anak bukan hanya dilihat melalui usaha pendidikan oleh ibu bapa tetapi pendidikan tidak langsung dari persekitaran luar terutamanya rakan-rakan sebayanya.